

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG**  
**[IPOH TIMOR]**  
**TARIKH : 4.4.2016 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 219**

**TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kawasan hab halal telah dimulakan oleh Kementerian dan jenis industri yang menyertai hab halal di dalam negeri Perak. Apakah rancangan Kementerian untuk mempromosikan dan mempergiatkan industri hab halal di negeri Perak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, terdapat 22 taman halal di seluruh Negara di mana 19 daripadanya adalah di bawah seliaan Agensi Kerajaan Pusat serta Kerajaan Negeri dan selebihnya adalah milik swasta.

Setakat ini sebanyak 14 taman halal telah menerima status HALMAS daripada HDC bagi melayakkan syarikat menikmati insentif galakan cukai.

Sehingga Disember 2015, sebanyak 165 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal tersebut dengan jumlah pelaburan mencecah RM10.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, nilai pelaburan tempatan bernilai RM3.9 bilion (32%) dan lebih 7,750 peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Antara jenis perniagaan yang terdapat di taman halal adalah dalam sektor/industri pemprosesan makanan, kosmetik dan penjagaan diri, ramuan halal, farmaseutikal dan ternakan. Selain daripada itu, terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sektor/industri yang menyokong rantai halal seperti perkhidmatan logistik dan perbankan Islam.

Di negeri Perak pada masa ini terdapat hanya sebuah kawasan hab halal yang terletak di Tambun. Hab halal ini dimiliki dan dikawal selia oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri Perak. Sebanyak 49 lot daripada jumlah 52 lot premis perniagaan tersebut telah beroperasi. Di antara aktiviti perniagaan yang

dijalankan di dalam kawasan hab halal tersebut termasuklah penghasilan produk-produk kesihatan (*wellness*), perkhidmatan serta makanan dan minuman.

Bagi mempromosi dan mempergiatkan industri hab halal di seluruh negara termasuk negeri Perak, Kerajaan melalui Halal Industry Development Corporation (HDC) telah memperkenalkan Program Transformasi Perniagaan Halal (HBT) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Program ini bertujuan meningkatkan daya saing dan jualan syarikat-syarikat yang mengeluarkan produk halal yang menyertainya.

Antara aktiviti yang dikendalikan oleh HDC termasuklah aktiviti khidmat nasihat teknikal berkenaan pematuhan persijilan antarabangsa, padanan perniagaan dengan syarikat-syarikat multinasional dan perkhidmatan fasilitasi bagi mendapatkan bantuan kewangan dari institusi-institusi kewangan.

Bermula dengan penyertaan dari hanya 149 syarikat pada tahun 2011, kini bilangan peserta HBT telah bertambah kepada 1,680 syarikat di mana 75.5% atau 1,268 adalah penyertaan syarikat Bumiputera. Program ini telah berjaya membantu syarikat-syarikat pengeluar produk halal tersebut menjana jualan dengan

jumlah melebihi RM1.51 bilion atau secara purata RM500 juta setahun.

HDC bekerjasama dengan agensi-agensi pelaksana pembangunan usahawan bagi melibatkan lebih ramai peserta usahawan tempatan dalam industri halal. Melalui kerjasama ini beberapa inisiatif telah dilaksanakan.

Kerajaan melalui HDC dengan sokongan agensi-agensi berkaitan akan meneruskan pelaksanaan pelbagai program dan projek berpandukan Pelan Induk Industri Halal (HIMP) bagi mencapai dua objektif menjelang tahun 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan halal dunia dan peneraju dalam bidang inovasi, pembuatan serta perdagangan produk dan perkhidmatan halal.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11), pelan pelaksanaan pembangunan industri telah diperkemaskin di mana lima Teras Strategik telah dicadangkan. Teras-teras tersebut adalah:

- i. memperkuatkan jaringan halal Malaysia dalam rantaian halal global;

- ii. menggalakkan penyatuan dalam industri halal Malaysia;
- iii. memperkuuhkan jenama halal Malaysia;
- iv. memperkuuhkan integriti halal Malaysia; dan
- v. memperkuuhkan ‘enablers’ dalam industri halal Malaysia.

Antara projek yang akan diperkemaskan strategi atau pendekatan pelaksanaannya termasuk:

- i. menggalakkan usahasama strategik antara syarikat besar dan multinasional dengan syarikat halal tempatan yang berpotensi tinggi;
- ii. penjenamaan halal Malaysia melalui kempen taktikal;
- iii. penjenamaan halal Malaysia melalui acara-acara utama; dan
- iv. melengkapkan kemudahan sedia ada dalam *Global Halal Support Centre*.

**SOALAN ( 220 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMOR ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai keseluruhan perlantikan ahli-ahli Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam negeri Perak untuk tahun 2015-2016. Nyatakan jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk perlantikan dan elauan dan/atau gaji ahli-ahli JPP tersebut. Nyatakan pecahan jumlah mengikut daerah masing-masing.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 24 Februari 2016, sejumlah 2,628 anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Perak telah dilantik secara berperingkat berkuat kuasa 1 September 2014 sehingga 31 Ogos 2016 yang terdiri daripada 297 Pengerusi, 267 Setiausaha dan 2,064 Ahli Jawatankuasa.

Pelantikan 2,628 anggota JPP Negeri Perak memberi implikasi kewangan sebanyak RM4,131,450.00 setahun bagi membiayai Elaun Pengerusi, Elaun Setiausaha, Elaun Kehadiran Mesyuarat dan Elaun Keraian.

Pelantikan JPP Negeri Perak mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

BIL	PBT	BIL ZON JPP	BIL Pengurusi Dilantik	BIL Setiausaha Dilantik	BIL AJK Dilantik	Jumlah Anggota Dilantik
1.	MB Ipoh	24	24	24	190	238
2.	MP Taiping	24	24	24	189	237
3.	MP Manjung	24	24	23	192	239
4.	MP Teluk Intan	24	23	23	184	230
5.	MP Kuala Kangsar	24	23	21	160	204
6.	MD Kerian	24	23	16	118	157
7.	MD Tapah	24	22	21	163	206
8.	MD Perak Tengah	24	24	21	156	201
9.	MD Tanjung Malim	24	23	12	92	127
10.	MD Batu Gajah	24	19	19	143	181
11.	MD Kampar	24	24	23	169	216
12.	MD Gerik	13	12	10	73	95
13.	MD Lenggong	10	10	9	74	93
14.	MD Pengkalan Hulu	12	12	12	96	120
15.	MD Selama	10	10	9	65	84
<b>JUMLAH</b>		<b>309</b>	<b>297</b>	<b>267</b>	<b>2084</b>	<b>2528</b>

Nota : Data sehingga 24 Februari 2016

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2016